
6. KUTIPAN SEWA KUARTERS KERAJAAN DI PUTRAJAYA

Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia mengenai Kemudahan Perumahan Kerajaan menyatakan Kerajaan boleh memperuntukkan rumah kediaman kepada mana-mana pegawai yang difikirkan sesuai mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Berdasarkan Daftar Penghuni yang diselenggara oleh Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri setakat 30 September 2021, terdapat sebanyak 22,007 unit kuarters di Putrajaya dan 19,746 unit atau 89.7% daripadanya telah diduduki.
- 1.2. Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan, Fasal 1 mendefinisikan kuarters sebagai rumah kediaman Kerajaan yang diperuntukkan kepada penghuni dengan dikenakan kadar sewa yang dijadualkan dalam Perintah Am Bab E dan/atau peraturan-peraturan lain berkaitan. Penghuni pula merujuk kepada penjawat awam yang telah diperuntukkan kuarters baginya.
- 1.3. Perenggan 6, Perintah Am Bab E menyatakan, seseorang pegawai yang dibenarkan mendiami kuarters dikehendaki membayar sewa mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sewa kuarters dikutip melalui pulangan balik Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) masing-masing pada kadar 75% dan 50% daripada kadar kelayakan pegawai. Garis Panduan Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan/Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah dan Bantuan Sara Hidup bagi Pegawai yang Menduduki Rumah Kerajaan dijelaskan melalui Lampiran C, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 Tahun 2020.
- 1.4. BPH bertanggungjawab terhadap pengurusan kuarters antaranya yang berkaitan dengan urusan penawaran, penguatkuasaan dan penyelenggaraan kuarters.
- 1.5. Setiap pegawai yang bersetuju untuk menduduki kuarters akan menerima Sijil Akuan Masuk Rumah dan Surat Arahan Potongan Gaji daripada BPH. Surat berkenaan juga akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan kementerian/jabatan pegawai bertugas bagi tujuan potongan pulangan balik ITP dan BSH.
- 1.6. Setelah menerima Sijil Akuan Masuk Rumah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia kementerian/jabatan bertanggungjawab menyediakan Penyata Perubahan

Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Penyata Kew. 8) dan menyerahkan satu salinan ke Bahagian Kewangan. Seterusnya, Bahagian Kewangan akan menyediakan Borang Perubahan Gaji (Borang Kew. 320) dan proses potongan gaji bermula.

1.7. Berdasarkan Surat Arahan Potongan Gaji daripada BPH, tarikh potongan ITP dan BSH dikira bermula dari tarikh Sijil Akuan Masuk Rumah ditandatangani. Kementerian/jabatan bertanggungjawab untuk mengemukakan sesalinan Borang Kew. 320 berserta penyata gaji kepada BPH sebagai dokumen pembuktian potongan telah diambil tindakan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan bagi menentukan sama ada kutipan sewa kuarters Kerajaan di Putrajaya telah dibuat dengan teratur selaras dengan pekeliling dan perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan telah dilaksanakan di semua kementerian dan beberapa jabatan terpilih. Rujuk silang telah dibuat antara Daftar Penghuni yang diselenggara oleh BPH dengan data emolumen bulan Ogos 2021 dari Sistem Bersepadu Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS). Semakan terperinci telah dilaksanakan terhadap 1,395 atau 14.4% daripada 9,658 penghuni yang mempunyai indikator rekod bayaran sewa yang tidak tepat dengan nilai kutipan pulangan balik pada bulan Ogos 2021 yang berjumlah RM143,584.

3.2. Semakan dibuat terhadap dokumen Payroll Master Listing, Buku Perkhidmatan, Penyata Kew. 8, Borang Kew. 320 serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, temu bual juga dibuat dengan pegawai di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan kementerian/jabatan yang terlibat bagi mengenal pasti punca ketidakstepatan kutipan sewa kuarters.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan bermula pada bulan Disember 2021 hingga Februari 2022. Maklum balas di peringkat kementerian dan jabatan telah diterima secara berperingkat sehingga bulan April 2022. Kompilasi pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada kementerian, BPH dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 15 Ogos 2022 dan maklum balas mengeninya telah diperolehi sehingga 1 September 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam

Mesyuarat Penutup yang telah diadakan pada 23 September 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Sewa Kuarters Berjumlah RM1.16 Juta Tidak Dikutip

4.1.1. Perenggan 5.1, Lampiran C, SPANM Bilangan 1 Tahun 2020 menghendaki supaya Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Pembayar Gaji memastikan pembayaran ITP dan BSH penghuni adalah mengikut kelayakan selaras dengan pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa. Elaun ini akan dipotong berdasarkan kadar sewa kuarters mengikut kelayakannya daripada gaji untuk diakaunkan ke akaun terimaan pulangan balik perbelanjaan di bawah kementerian/PTJ pegawai yang terlibat.

4.1.2. Fasal 4.1, Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan menetapkan sepanjang tempoh penghuni menduduki kuarters, pemotongan ITP dan BSH hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan masing-masing bermula dari tarikh Sijil Akuan Masuk Rumah dan akan terhenti pada tarikh di Sijil Akuan Keluar Rumah.

4.1.3. Fasal 4.2 pula menyatakan penghuni perlu memastikan jabatan masing-masing melaksanakan perkara di Fasal 4.1. Sekiranya pemotongan ITP dan BSH tidak dilaksanakan dengan tepat, Kerajaan mempunyai hak untuk mengutip semula amaun dengan kadar sama yang sepatutnya dipotong oleh jabatan masing-masing.

4.1.4. Semakan Audit mendapati, **sewa kuarters tidak dikutip daripada 28 orang penghuni. Tempoh penghuni menduduki kuarters tanpa dikenakan sewa adalah antara 12 hingga 179 bulan, iaitu seawal tahun 2007. Amaun terkumpul sewa kuarters yang tidak dikutip adalah berjumlah RM1.16 juta.** Bilangan kes tertinggi yang dikenal pasti adalah di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melibatkan seramai lima orang penghuni berjumlah RM203,455. Kedudukan kes tiada kutipan sewa kuarters mengikut kementerian/jabatan adalah seperti dalam **Jadual 6.1.**

**JADUAL 6.1
KEDUDUKAN KES
TIADA KUTIPAN SEWA KUARTERS MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN**

BIL.	BUTIRAN	BIL. PENGHUNI	TAHUN MULA	TEMPOH (Bulan)	AMAUN (RM)
1.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	5	2010-2020	12-142	203,455
2.	Jabatan Perdana Menteri	2	2010-2013	104-140	149,498
3.	Kementerian Kewangan	4	2010-2018	42-142	149,278
4.	Kementerian Dalam Negeri	3	2009-2016	61-151	113,387

BIL.	BUTIRAN	BIL. PENGHUNI	TAHUN MULA	TEMPOH (Bulan)	AMAUN (RM)
5.	Kementerian Pengajian Tinggi	2	2010-2013	104-136	87,200
6.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2	2010-2011	122-137	74,526
7.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1	2009	153	63,759
8.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	1	2007	179	62,674
9.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	1	2008	161	57,347
10.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	2010	143	47,831
11.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	2011	131	47,373
12.	Kementerian Perpaduan Negara	1	2017	60	41,756
13.	Kementerian Pengangkutan	1	2013	107	39,464
14.	Kementerian Kerja Raya	1	2016	61	9,150
15.	Kementerian Sumber Manusia	1	2020	20	7,600
16.	Kementerian Luar Negeri	1	2019	24	3,644
JUMLAH		28	2007-2020	12-179	1,157,942

Sumber: Penyata Pengiraan Sewa Rumah Kerajaan (Kquarters), Bahagian Pengurusan Hartanah dan Payroll Master Listing

4.1.5. Perkara ini berlaku disebabkan **penghuni tidak memaklumkan kepada kementerian/jabatan masing-masing berhubung ketiadaan potongan ITP dan BSH dalam penyata gaji bulanan walaupun telah menduduki kquarters sejak sekian lama**. Selain itu, ketiadaan rekod pendudukan kquarters dan Sijil Akuan Masuk Rumah dalam Buku Perkhidmatan dan Fail Peribadi penghuni menyebabkan tindakan potongan bayaran sewa tidak dapat dilaksanakan oleh kementerian/jabatan.

Maklum balas pelbagai kementerian yang diterima pada 23 Ogos hingga 1 September 2022

Kesemua 28 kes telah diambil tindakan oleh kementerian/jabatan seperti berikut:

- dua kes berjumlah RM64,947 telah dijelaskan sepenuhnya;
- satu kes berjumlah RM41,756 diselesaikan melalui potongan ganjaran;
- 10 kes berjumlah RM364,447 telah diluluskan pendahuluan diri;
- enam kes berjumlah RM303,225 dalam proses mendapatkan kelulusan pendahuluan diri;
- tiga kes berjumlah RM125,610 masih di peringkat pertimbangan rayuan oleh kementerian/BPH untuk pengurangan dan penangguhan bayaran; dan
- enam kes berjumlah RM257,957 telah dikeluarkan surat tuntutan.

Maklum balas BPH yang diterima pada 24 Ogos 2022

BPH akan sentiasa mengemas kini data penghuni kuarters dan bersedia untuk mengemukakan senarai daftar penghuni kepada semua kementerian serta JANM secara berkala bagi tujuan semakan.

Pernyataan Audit | **Kegagalan potongan gaji bagi kutipan sewa kuarters menyebabkan kerugian hasil Kerajaan berjumlah RM1.16 juta.**

4.2. Kutipan Sewa Kuarters Berjumlah RM0.40 Juta Tidak Selaras Dengan Gred Jawatan Penghuni

4.2.1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 menetapkan kadar ITP bagi pegawai gred Jawatan Utama Sektor Awam ke bawah adalah antara RM300 hingga RM2,000. Bayaran sewa kuarters akan dikutip melalui potongan sebanyak 75% daripada kelayakan ITP pegawai.

4.2.2. Fasal 4.2, Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan menetapkan penghuni perlu memastikan jabatan masing-masing melaksanakan pemotongan ITP dan BSH. Sekiranya pemotongan ITP dan BSH tidak dilaksanakan dengan tepat, Kerajaan mempunyai hak untuk mengutip semula amaun dengan kadar sama yang sepatutnya dipotong oleh jabatan masing-masing.

4.2.3. Semakan Audit mendapati **berlaku kesilapan pengiraan amaun pulangan balik ITP bagi 112 orang penghuni yang telah mendapat kenaikan pangkat menyebabkan amaun pulangan balik ITP berjumlah RM0.40 juta telah terkurang kutip.** Sungguhpun pulangan balik ITP ada dibuat, namun kadar pulangan balik ITP yang dikutip adalah berdasarkan kadar gred jawatan sebelum kenaikan pangkat.

4.2.4. Sebagai contoh, berdasarkan sampel yang dipilih, seorang penghuni telah dinaikkan pangkat dari gred 44 kepada 48 dan kadar kelayakan ITP telah berubah daripada RM400 kepada RM700. Bagaimanapun, pulangan balik ITP dikira sebanyak 75% daripada kadar kelayakan ITP bagi gred jawatan terdahulu iaitu RM400. Keadaan ini menyebabkan pulangan balik ITP terkurang kutip sebanyak RM225 sebulan.

4.2.5. Kes tertinggi dikesan berlaku di Kementerian Pendidikan Malaysia melibatkan seramai 18 orang penghuni berjumlah RM85,605. Ringkasan bilangan kes pulangan

balik ITP terkurang kutip mengikut kementerian/jabatan adalah seperti dalam **Jadual 6.2.**

JADUAL 6.2
RINGKASAN BILANGAN KES
PULANGAN BALIK ITP TERKURANG KUTIP MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN

BIL.	BUTIRAN	BIL. PEGAWAI	PULANGAN BALIK ITP		
			PATUT KUTIP (RM)	TELAH KUTIP (RM)	TERKURANG KUTIP (RM)
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia	18	272,271	186,666	85,605
2.	Jabatan Perdana Menteri	17	232,141	167,254	64,887
3.	Kementerian Kesihatan Malaysia	10	123,165	83,619	39,546
4.	Kementerian Belia dan Sukan	6	86,014	53,969	32,045
5.	Kementerian Luar Negeri	8	78,675	53,688	24,987
6.	Kementerian Pengajian Tinggi	5	62,487	39,455	23,032
7.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	4	62,925	42,134	20,791
8.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	6	64,839	47,850	16,989
9.	Kementerian Pengangkutan	3	53,671	38,915	14,756
10.	Kementerian Alam Sekitar dan Air	4	42,784	29,898	12,886
11.	Kementerian Sumber Manusia	5	35,287	24,967	10,320
12.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	3	42,885	32,577	10,308
13.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	5	30,558	20,711	9,847
14.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	4	29,395	22,046	7,349
15.	Kementerian Kewangan	1	19,890	15,470	4,420
16.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	2	10,080	5,760	4,320
17.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5	14,925	10,725	4,200
18.	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	2	9,750	6,375	3,375
19.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	2	11,665	8,748	2,917
20.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	1	9,460	7,095	2,365
21.	Kementerian Pertahanan	1	4,580	3,435	1,145
JUMLAH		112	1,297,447	901,357	396,090

Sumber: Payroll Master Listing, Buku Perkhidmatan, Penyata Kew. 8 dan Borang Kew. 320

4.2.6. Keadaan ini berlaku disebabkan **Penyata Kew. 8 yang disediakan hanya mengemas kini kadar kelayakan ITP penghuni yang mendapat kenaikan pangkat, namun pengiraan amau potongan pulangan balik ITP tidak disemak dan dikemas kini dengan sewajarnya.** Selain itu, kegagalan penghuni untuk memaklumkan kesilapan pengiraan berkenaan juga menyebabkan kesilapan ini berlarutan.

Maklum balas pelbagai kementerian yang diterima pada 23 Ogos hingga 1 September 2022

Kesemua 112 kes telah diambil tindakan oleh kementerian seperti berikut:

- 37 kes berjumlah RM102,821 telah dijelaskan sepenuhnya;
- 33 kes berjumlah RM139,159 telah diluluskan pendahuluan diri dan satu kes berjumlah RM2,637 potongan gaji secara ansuran telah bermula;
- 24 kes berjumlah RM78,718 dalam proses mendapatkan kelulusan pendahuluan diri; dan
- 17 kes berjumlah RM72,755 telah dikeluarkan surat tuntutan.

Pernyataan Audit | **Kesilapan penyediaan Penyata Kew. 8 bagi penghuni yang mendapat kenaikan pangkat menyebabkan hasil sewa kuarters berjumlah RM0.40 juta telah terkurang kutip.**

4.3. Kutipan Sewa Kuarters Berjumlah RM0.10 Juta Tidak Selaras Dengan Lokasi Pejabat Penghuni

4.3.1. Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 menetapkan kadar BSH dibayar mengikut pejabat pegawai atau institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar, iaitu antara RM150 hingga RM350 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Potongan sewa kuarters akan dibuat sebanyak 50% bagi pegawai yang menduduki kuarters dalam lingkungan 25 kilometer radius dari pejabat atau institusi pengajian. Manakala tiada potongan bagi penghuni yang lokasi pejabat atau institusi pengajiannya berada di luar lingkungan 25 kilometer radius.

4.3.2. Fasal 4.2, Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan menetapkan penghuni perlu memastikan jabatan masing-masing melaksanakan pemotongan ITP dan BSH. Sekiranya pemotongan ITP dan BSH tidak dilaksanakan dengan tepat, Kerajaan mempunyai hak untuk mengutip semula amaun dengan kadar sama yang sepatutnya dipotong oleh jabatan masing-masing.

4.3.3. Semakan Audit mendapati seramai 29 orang penghuni menduduki kuarters dalam lingkungan 25 kilometer radius daripada pejabat atau institusi pengajian penghuni. Namun, **23 penghuni tiada potongan BSH manakala enam orang penghuni potongan BSH kurang daripada kadar 50%. Perkara ini menyebabkan amaun pulangan balik BSH berjumlah RM0.10 juta telah terkurang kutip.** Bilangan kes tertinggi melibatkan Jabatan Perdana Menteri iaitu seramai enam orang penghuni berjumlah RM36,619. Ringkasan bilangan

kes penghuni yang tiada potongan BSH dan BSH terkurang kutip mengikut kementerian/jabatan adalah seperti dalam **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
RINGKASAN BILANGAN KES PENGHUNI YANG TIADA POTONGAN BSH
DAN BSH TERKURANG KUTIP MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN

BIL.	BUTIRAN	BIL. PEGAWAI	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Perdana Menteri	6	36,619
2.	Kementerian Kesihatan Malaysia	5	21,894
3.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	5	19,800
4.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	3	10,940
5.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	3	10,102
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	1	2,563
7.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	1	2,182
8.	Kementerian Belia dan Sukan	1	1,103
9.	Kementerian Luar Negeri	1	600
10.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	1	574
11.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1	452
12.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1	207
JUMLAH		29	107,036

Sumber: Payroll Master Listing, Buku Perkhidmatan, Penyata Kew. 8 dan Borang Kew. 320

4.3.4. Keadaan ini disebabkan **tiada semakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia terhadap status pendudukan kuarters dan ketepatan kadar pulangan balik BSH yang dikutip daripada penghuni kuarters di kementerian/jabatan supaya selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa**. Selain itu, kegagalan penghuni untuk memaklumkan ketiadaan potongan atau kesilapan potongan BSH juga menyebabkan perkara ini berlarutan.

Maklum balas pelbagai kementerian yang diterima pada 23 Ogos hingga 1 September 2022

Kesemua kes telah diambil tindakan oleh kementerian/jabatan seperti berikut:

- 10 kes berjumlah RM14,327 telah dijelaskan sepenuhnya;
- 11 kes kutipan balik berjumlah RM37,279 telah diluluskan pendahuluan diri;
- enam kes berjumlah RM36,300 dalam proses mendapatkan kelulusan pendahuluan diri; dan
- dua kes berjumlah RM19,130 telah dikeluarkan surat tuntutan.

Pernyataan Audit	Ketiadaan semakan terhadap status pendudukan kquarters penghuni yang bertukar pejabat dan ketepatan kadar pulangan balik BSH menyebabkan hasil sewa kquarters berjumlah RM0.10 juta telah terkurang kutip.
-------------------------	--

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, berlaku kelemahan dalam kutipan sewa kquarters Kerajaan di Putrajaya yang menyebabkan ketirisan hasil berjumlah RM1.66 juta. Perkara ini berlaku kerana kegagalan penghuni untuk memaklumkan ketiadaan potongan gaji bagi bayaran sewa kquarters, penyediaan Penyata Kew. 8 yang tidak tepat dan tiada semakan status pendudukan kquarters bagi pegawai yang bertukar.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kewangan, pihak BPH dan kementerian atau jabatan perlu mengambil tindakan berikut:

- 6.1. BPH hendaklah memastikan Daftar Penghuni Kquarters diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Daftar berkenaan perlu dikongsikan kepada kementerian secara berkala bagi tujuan pemantauan terhadap kutipan pulangan balik ITP dan BSH penghuni;
- 6.2. kementerian perlu membuat hebahan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran pegawai terhadap tanggungjawab masing-masing untuk memaklumkan sebarang kesilapan dalam pembayaran emolumen;
- 6.3. kementerian hendaklah mempertimbangkan untuk mengambil tindakan tatatertib yang bersesuaian terhadap penghuni yang didapati cuai untuk memaklumkan status pendudukan kquarters bagi tujuan kutipan pulangan balik ITP dan BSH; dan
- 6.4. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat terkini dan melaksanakan potongan gaji pegawai yang menduduki kquarters Kerajaan serta memaklumkan kepada BPH dengan kadar segera sekiranya pegawai tersebut telah berpindah pejabat atau bertukar ke jabatan lain.